

Tun Fatimah Srikandi Umno

Baju raya lama, naik lori pengalaman manis hari perkahwinan zaman Tepun

PROFIL

Tun Fatimah Hashim

Lahir: 25 Disember 1924

Asal: Kampung Parit Kurma, Muar, Johor.

Sekolah: Sekolah Laki-Laki Parit Kurma, Sekolah Perempuan Mersing, Sekolah Latihan Guru.

Suami: Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusof (bekas Menteri Undang-Undang, Menteri Tanah, Peguam Negara)

Keluarga: Enam anak, 18 cucu dan lima cicit.

Kejayaan:

- Wanita pertama negara dilantik sebagai menteri - Menteri Kebajikan Am (1969 - Mac 1973)
- Wanita pertama negara menerima Anugerah Panglima Mangku Negara (PMN) (31 Ogos 1958)
- Ketua Pergerakan Kaum Ibu/ Wanita Umno (1956-1972) (nama itu ditukar kepada Wanita Umno pada 1972)
- Ahli Parlimen Jitra/Padang Terap (Tiga penggal bermula 1959)
- Pengasas dan Yang Dipertua NCWO (1962-1989)

"Lelaki tidak akan meletakkan kita di tempat yang tinggi kalau tidak kita ketahui di mana kedudukan kita. Ketegasan kita dalam perjuangan, budi pekerti dan sopan santun adalah sifat asasi dalam tata susila wanita. Inilah sifat kewanitaan yang sentiasa diperhatikan lelaki"

Tun Fatimah Hashim
Tokoh politik negara



SEMBANG SABTU

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

PERJALANAN politik Tun Fatimah Hashim, 82 dibina atas keringat dan keazaman untuk menggembleng tenaga wanita bersama lelaki bagi mencapai kemerdekaan negara dan memantapkan perjuangan Melayu bersama Umno pada pasca merdeka.

Disebabkan terlalu menyintai dunia politik, Fatimah berkata, astu ketika Allahyarham suaminya, Tan Sri Abdul Kadir Yusuf pernah merajuk hingga tidur di dalam kereta kerana marah beliau begitu memberi perhatian tugas politik dan membiarkan seorang anak mereka menangis.

"Pada satu malam, anak saya itu menangis kerana lewat menyediakan susu. Ketika itu kami ada penjaga, jadi saya biarkan anak saya itu. Arwah bangun terus keluar dan tidur dalam kereta. Walaupun dia tidak marah secara terus tetapi berdasarkan tindakannya itu saya faham ia 'protes' terhadap saya.

"Suami saya itu memang tidak boleh mendengar anak menangis kerana dia kasihankan anak.

Keesokannya, bila kami bertemu, kami senyum sesama sendiri," kata mengingati kejadian yang berlaku ketika beliau memegang jawatan Setiausaha Kaum Ibu Umno Johor Bahru sekitar 1940-an.

Walaupun pada usia lanjut dan menghadapi pelbagai penyakit, pendengaran dan penglihatannya masih tajam manakala percakapannya lancar seperti dulu cuma terganggu sedikit kerana penyakit mengah dan letih. Namun keadaan kesihatannya tidak menghalang minatnya mengarang termasuk menulis diari pefibadi.

Kemuncak kejayaan politik Fatimah adalah ketika dilantik sebagai Menteri Kebajikan Am pada 22 Mei 1969 tetapi negara ketika itu berhadapan cabaran meruncing dan kritikal iaitu peristiwa 13 Mei yang baru seminggu beliau memegang jawatan menteri.

Beliau yang menyifatkan pelantikan itu ibarat 'pucuk dicita, ulam mendatang' kerana gemar melakukan kerja kebajikan, menerima dan melaksanakan tugasnya menggerakkan usaha memberi bantuan seperti beras dan gula kepada mangsa rusuhan kaum, walaupun dalam keadaan pelbagai kekurangan.

"Sebenarnya sebelum pilihan raya 1969 lagi Tunku (Abdul Rahman) sudah memberitahu saya akan dilantik sebagai menteri untuk mengambil hati kaum wanita. Pada ketika itu ada desakan supaya wanita menyertai Kabinet dan yang paling kuat adalah dari Kaum Ibu Pahang.

"Ketika peristiwa 13 Mei tercetus, saya belum dilantik menteri tetapi atas kedudukan saya sebagai Ketua Kaum Ibu dan Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), maka saya membenarkan diri keluar bersama pegawai kebajikan menaiki lori menghantar bantuan seperti beras dan gula kepada mangsa termasuk di Kampung Pandan.

"Di kawasan tertentu saya melihat kesan rumah yang dibakar akibat rusuhan," katanya yang mengakui peristiwa itu berlaku ketika beliau dalam perjalanan pulang dari Kedah kerumahnya.

"Tugas memberi bantuan sebenarnya bukan mudah kerana pel-



BERSEMANGAT: Fatimah berucap pada Persidangan Perwakilan Agung Pergerakan Kaum Ibu.

bagai kekurangan yang ada pada masa itu. Bayangkan saja ketika itu bangunan kami di kawasan berdekatan Kompleks Pertama di ibu negara, hanya bangunan seperti bangsal," katanya.

Fatimah juga menceritakan bagaimana sukarnya beliau menggerakkan kementerianya pada masa itu untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir terburuk negara pada 1970/71 yang melanda ibu negara, Pantai Timur, Johor dan Pulau Pinang.

Tidak lama selepas itu, atas permintaan Tunku Abdul Rahman, arwah suaminya yang ketika itu menjadi Peguam Negara meletak jawatan dan dilantik sebagai Senator sebelum menyertai Kabinet sebagai Menteri Undang-Undang.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir kerana menghidap barah paru-paru pada 1992 ketika berusia 74 tahun.

Walaupun Fatimah kelahiran Johor, beliau yang ketika itu berusia 35 tahun mengetuai Kaum Ibu Umno diberi kepercayaan dan tugas berat bertanding sebagai calon Perikatan di kerusi Parlimen Jitra-Padang Terap di Kedah pada pilihan raya 1959.

Beliau yang tinggal di Kedah kerana mengikuti suaminya bertugas sebagai Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Kedah/Perlis, berjaya menewaskan calon Pas Kedah



JIWA KENTAL: Fatimah tetap rancak berbicara mengenai Umno.

dengan majoriti besar iaitu kira-kira 11,000 undi.

"Kempen pilihan raya masa itu bukan seperti sekarang, malah ada pernah saya terpaksa menunggang gajah untuk masuk ke satu kawasan perkampungan di Jitra kerana tiada jalan.

"Selain gajah, basikal dan motosikal adalah kenderaan biasa digunakan ketika itu. Saya bangga, saya bukan orang Kedah tetapi 'laku' di negeri itu sehingga menjadi Ahli Parlimen selama tiga penggal.

"Hubungan dengan pengundi

masih berterusan hingga kini, malah ada yang datang membawa buah-buahan ke rumah saya," katanya.

Fatimah juga tidak dapat melupakan peristiwa perkahwinan bersama suaminya di Mersing, Johor pada 23 Disember 1943 ketika zaman Tanah Melayu diperintah Jepun termasuk terpaksa memakai baju raya lama sebagai pakaian pengantin dan lori sebagai kenderaan mereka.

"Pada masa itu semuanya serba kekurangan. Oleh kerana tiada beras, maka hidangan kepada jem-

putan adalah bubur lambuk, itupun ramai yang datang majlis tetap ramai kerana diadakan di kampung.

"Baju pengantin saya baju raya lama tetapi yang masih cantik. Suami saya pun gunakan baju lama.

Paling melucukan, ketika majlis 'menyambut' kenderaan pengantin adalah lori, apa nak buat itu saya kenderaan yang ada," katanya sambil tersenyum memperlihatkan barisan gigi kekalnya yang masih tersusun rapi walaupun seusia itu.

Beliau berkahwin pada usia 19 tahun manakala suaminya 26 tahun diatur keluarga, malah suaminya mengajak beliau berkahwin hanya selepas sebulan mengenali hati budi masing-masing.

"Arwah" sebenarnya sudah lama 'hendap' saya termasuk ketika kenduri sanak saudara. Arwah juga ada talian persaudaraan yang jauh dengan keluarga saya," katanya.

Mengenai pengunduran dari politik, Fatimah berkata beliau mengambil keputusan meletak jawatan sebagai menteri pada Mac 1973 tanpa ada paksaan dari pihak atasan.

"Saya adalah menteri pertama meletak jawatan sebagai menteri secara sukarela. "Ini kerana saya ada prinsip. Saya menjadi menteri kerana saya adalah Ketua Kaum Ibu Umno pada masa itu tetapi apabila jawatan itu dimenangi Tan Sri Aishah Ghani, saya meletak jawatan.



Generasi muda perlu dibimbing

SEBAIK memasuki pekarangan rumah Tun Fatimah Hashim di ibu negara, keadaan rumah itu kemas dan teratur. Walaupun sarat dengan perabot serta rak meletak buku dan album gambar, ia tersusun rapi.

"Rumah ini memang sudah lama tetapi tengoklah keadaannya termasuk binaannya masih baik kerana kami sekeluarga menjaga dan menyayanginya," katanya.

Kata-kata itu kemudiannya diterjemahkan Fatimah dalam konteks lebih luas iaitu pentingnya rakyat bertanggungjawab kepada negara jika mahu Malaysia terus mengecapi pembangunan dan kemajuan, apa lagi menjelang ulang kemerdekaan ke-49, Khamis depan.

"Kita tidak ada negara lain lagi, inilah negara kita. Negara kita ini seperti anak dara sunti, ramai orang suka dan mengagumi. Linat saja bagaimana negara luar memandang kita atas perpaduan rakyatnya, atas kejayaan kita membawa kemajuan selepas merdeka serta kedudukan agama kita.

"Jadi sebab itu saya katakan negara kita ini seperti anak dara sunti, orang pandang cantik saja.

"Oleh itu, kita jaga dan jangan dipunahkan," katanya.

Bagi Fatimah, golongan tua atau ibu bapa yang pernah melalui kepayahan pada zaman sebelum kemerdekaan dan ketika negara baru mengecapi kemerdekaan, mesti memainkan peranan memberi nasihat kepada generasi baru supaya mereka menjaga dengan baik negara.

"Sepatutnya, ibu, bapa, datuk dan nenek menasihatkan anak cucu supaya bertanggungjawab pada negara. Saya sendiri selalu memberi nasihat pada anak, cucu dan cicit saya sebab kita lebih mengetahui kesusahan dan kekurangan negara dulu tetapi orang muda kini tidak faham sangat bagaimana keadaan negara kita dulu.

"Sekarang negara sudah maju seperti ini, jangan dipunahkan, jangan dirosakkan terutama perpaduan antara kaum dan agama, itu perlu dijaga," katanya sambil mengingatkan bahawa rakyat sendiri akan merana seperti sukar mencari rezeki dan pekerjaan jika negara tidak aman dan maju.

Mengenai sambutan kemerdekaan dulu dan kini, Fatimah berkata tentu-lah ada perbezaannya.

"Dulu terutama ketika negara baru merdeka, memang seronok dan bersemangat tinggi menyambut Hari Kebangsaan. Ia disambut dengan semangat tanggungjawab, rasa sayang pada negara serta bersyukur kepada Allah SWT.

"Sekarang pun Alhamdulillah, saya lihat ada usaha membabitkan lebih ramai pelajar sekolah berarak pada Hari Kebangsaan, tak saja orang dewasa dan pasukan keselamatan," katanya sambil mengakui semangat cintakan negara perlu dipupuk di peringkat kanak-kanak lagi.